



Majlis Daerah Limbang

© Hak Cipta Terpelihara: Majlis Daerah Limbang



Bersatu Berusaha Berbakti

Dari meja pengarang.

Assalamualaikum dan salam 1 Malaysia, Syukur alhamdulillah kepada Allah S.W.T kerana atas kehendakNya kita telah berjaya menerbitkan Buletin Bestari Edisi ke-1 bagi tahun 2014. Sidang pengarang merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan Buletin Bestari ini.

Pelbagai informasi program diketengahkan dalam edisi kali ini untuk dikongsikan bersama bagi membuktikan kemantapan Majlis Daerah Limbang dari segi pelaksanaan tugas.

Semoga coretan edisi kali ini menjadi pemangkin semangat dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat. Harapan kami agar wadah ini diteruskan sebagai medium interaksi antara masyarakat dan kerajaan. *Bersatu, berusaha dan berbakti...*

Sekian, terima kasih.

Maria binti Ludin

Pengarang,
Buletin Bestari

**SIDANG REDAKSI****PENGARANG:**

Cik Maria binti Ludin

Dibantu Oleh:**FASILITATOR**

En. Matassan bin Piut

REKABENTUK

En. Mura Durahim

DATA DAN MAKLUMAT

Puan Nooramila binti Limin

SUMBER BERITA

Cik Viana Kiri

Majlis Perpisahan



Benet Sawat
(Pembantu Kewangan,W22)
Berpindah Tempat Kerja
Ke Majlis Daerah Dalat Dan Mukah

Tempoh berkhidmat :
1 Nov 2007 - 1 Jun 2014

Amy Amindiana binti Paijo
(LPKS)
Tempoh berkhidmat :
02 Dis 2013 - 17 April 2014



Majlis Perpisahan



Puan Anna Anak Aji
(LPKS)
Tempoh berkhidmat :
02 Jan — 14 April 2014



Nur Aqmanira bt. Matnoor
(Latihan Ilmiah)
Tempoh berkhidmat :
02 Dis 2013 - 17 April 2014



Siti Fazirah bt. Dollah
(Latihan Ilmiah)
Tempoh berkhidmat :
02 Dis 2013 - 17 April 2014



Adevest List Anak Buda
(Latihan Ilmiah)
Tempoh berkhidmat :
21 April — 28 Jun 2014



Perutusan Walikota Majlis Daerah Limbang



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,
Alhamdulillah, syukur kita ke hadirat Ilahi kerana dengan izinNya, bertemu lagi kita dalam Buletin Bestari Edisi ke-1 bagi tahun 2014. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua warga kerja Majlis Daerah Limbang atas usahasama dalam menjayakan

buletin ini khas nya dan pelaksanaan program kemasyarakatan amnya. Seajar dengan perkembangan semasa, Buletin Bestari mampu menyampaikan maklumat dan merakam pelbagai aktiviti untuk tatapan semua terutamanya penduduk Limbang. Sebagai jentera Negara, Majlis Daerah Limbang komited dalam melaksanakan penambahbaikan perkhidmatan bagi memastikan Misi dan Visi organisasi tercapai. Disamping itu, kerjasama masyarakat setempat amatlah diperlukan bagi memastikan kecukupan perkhidmatan dengan menjadi mata dan telinga organisasi ini. Justeru itu, saya menyeru seluruh warga kerja Majlis Daerah Limbang untuk sama-sama membentuk budaya kerja yang produktif agar terus relevan.

Sekian, Wassalam.

Sufian bin Mohat

Walikota, Majlis Daerah Limbang

Ucapan Setiausaha Majlis Daerah Limbang



Assalamualaikum dan Salam Perpaduan
Alhamdulillah, bertemu lagi kita pada edisi ke-1 pada tahun 2014. Syukur kita kepada Ilahi kerana izinNya kita berjaya menerbitkan Buletin Bestari ini. Jutaan terima kasih dan setinggi penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang terlibat menjayakan buletin Majlis ini. Tanpa usaha semua, mustahil kejayaan akan dikecapi. Sebagai wadah untuk

semua, sama-samalah kita mengungkap kembali kejayaan yang telah kita capai dalam melaksanakan program-program kemasyarakatan dan pembangunan pada tahun ini. Yang baik jadikan teladan, yang buruk perlulah diperbaiki. Semoga semua warga kerja Majlis Daerah Limbang terus bergerak dalam memberi khidmat terbaik kepada masyarakat. Bersatu itu kita teguh. Akhir kata, tingkatkan prestasi dan jayakan aspirasi.

Sekian, Wassalam.

Gustian bin Hj Durani

Setiausaha, Majlis Daerah Limbang.



**Sambutan Maulidur Rasul
peringkat
Bahagian Limbang
telah diadakan pada
14 Januari 2014.
Kontigen Majlis Daerah Limbang berjaya
mendapat
tempat ke-3 daripada keseluruhan.
Tahniah dan syabas diucapkan.**



**Majlis Perasmian Bazaar
Ramadhan
pada 29 Jun 2014**





HARI KELUARGA MDL

Hari Keluarga MDL telah diadakan pada 25 Januari 2014. Pelbagai aktiviti telah diadakan antaranya **sukaneka** dan **peraduan mewarna**.

Penglibatan ahli keluarga kakitangan MDL juga banyak menceriaikan acara ini. Pada sebelah malam pula telah diadakan **Majlis Malam Penghargaan**.



Konvensyen KIK Peringkat PBT bertempat di RH Hotel, Sibu pada 17-18 Jun 2014 Nama Projek : Gangguan Anjing Liar di Kawasan Majlis



PROGRAM KOMUNITI

Sesi Program Bersama Penduduk Kampung
Bakol pada 14 Jun 2014



*Majlis Angkat Sumpah dan Menerima
Jawatan Walikota & Ahli-Ahli Majlis
pada 7 Mac 2014
Bertempat di Purnama Hotel, Limbang.*





Lawatan daripada Jawatankuasa Perundingan Kampung (JPK) Kampung Katimahar, Brunei Darussalam pada 09 Mei 2014





Lawatan Sambil Belajar SK Limbang pada 08 Mac 2014



Pensijilan Semula Amalan Persekitaran Berkualiti 5S Pada 03 April 2014




KARNIVAL SUKAN PBT DAN MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2014 PADA 25-26 APRIL 2014 DI MIRI



Perhimpunan Bulanan Majlis Daerah Limbang pada 08 April 2014



Pertandingan “*Word Play*” Perpustakaan Awam Limbang pada 19 April 2014



Program Jom Baca 10 Minit Perpustakaan Awam Limbang pada 22 April 2014

